



TEKS UCAPAN PERASMIAN

YB DATO SRI ALEXANDER NANTA LINGGI
MENTERI KERJA RAYA

SEMPENA
SIMPOSIUM CERUN NEGARA 2025

8 MEI 2025 | KHAMIS
THE EVERLY PUTRAJAYA
PUTRAJAYA

[SALUTASI DISEDIAKAN BERASINGAN]

PENDAHULUAN

Salam Sejahtera dan Salam Malaysia MADANI,

1. Pertamanya, saya amat gembira dan bersyukur kerana diberikan peluang untuk berhimpun bersama-sama pada hari ini sempena *Simposium Cerun Negara 2025* yang bertemakan '**Way Forward – National Slope Master Plan**'.
2. Pemilihan tema ini bukan sahaja bertepatan dengan konteks semasa, malah membawa mesej yang jelas tentang hala tuju pengurusan cerun negara secara strategik, bersepadu dan mampan. Dalam usaha menjayakan aspirasi Malaysia MADANI, tema ini juga amat signifikan dengan hasrat kerajaan, khususnya dalam penyediaan kemudahan awam yang optimum dan holistik demi kesejahteraan rakyat.

Hadirin yang dihormati sekalian,

Pelan Induk Cerun Negara (PICN)

3. PICN yang bermula sejak tahun 2009 telah mencapai kejayaan yang membanggakan hasil sokongan dan komitmen semua ahli *Inter-Agency Committee for Slope Management (ICSM)* serta pihak berkepentingan. Kejayaan ini dicapai melalui semangat kebersamaan dan sokongan berterusan daripada pelbagai agensi serta institusi.

4. Seperti yang kita sedia maklum, hari ini kita akan menyaksikan pelancaran **Pelan Induk Cerun Negara: Pelan Tindakan 2025–2030**. PICN ini dibangunkan selari dengan *Dasar Pengurangan Risiko Bencana Negara 2030* oleh Agensi Pengurusan Bencana Negara, Jabatan Perdana Menteri (NADMA, JPM), bagi membentuk Malaysia sebagai sebuah negara yang selamat dan berdaya tahan dalam pengurusan bencana.
5. Dengan adanya PICN, semua pihak secara asasnyanya memikul tanggungjawab bersama (*shared responsibility*) dalam usaha mengurangkan risiko bencana, khususnya tanah runtuh; memperkukuh tadbir urus pengurusan cerun negara secara mampan; serta memastikan keselamatan rakyat dan infrastruktur negara terus terpelihara.
6. Melalui *Pelan Tindakan 2025–2030* ini, pelbagai inisiatif berimpak tinggi telah dirangka secara teliti bagi meningkatkan tahap kesiapsiagaan negara serta memperkukuh tadbir urus risiko bencana, khususnya yang berkaitan dengan kejadian tanah runtuh. Dokumen ini merupakan bukti komitmen berterusan kerajaan dalam usaha mitigasi dan pengurangan risiko bencana, sekali gus mengangkat aspirasi nasional ke arah pembentukan komuniti yang lebih berdaya tahan.

7. Secara keseluruhannya, peranan dan komitmen kementerian dalam membina serta menyelenggara infrastruktur negara bukan sahaja memenuhi tuntutan fizikal, malah mencerminkan keprihatinan terhadap aspek keselamatan, kesejahteraan dan kemaslahatan rakyat.

Hadirin yang saya muliakan,

Fenomena Bencana Berganda, Peranan dan Fungsi PICN

8. Malaysia perlu bersedia menghadapi peningkatan kejadian bencana cerun runtuh, terutamanya apabila ia berlaku serentak dengan bencana lain seperti banjir, aliran puing (*debris flow*), dan ribut kuat. Fenomena ini dikenali sebagai bencana berganda (*compound disasters*), yang memberikan impak besar terhadap keselamatan awam, infrastruktur serta kesejahteraan komuniti. Ia bukan sahaja mempercepatkan kerosakan infrastruktur, malah meningkatkan kerumitan dalam operasi tindak balas dan pemulihan.
9. Justeru, Pelan Induk Cerun Negara yang telah dihasilkan ini adalah kompas kita dalam menghadapi cabaran risiko cerun. Ia bukan sekadar garis panduan teknikal, tetapi juga manifestasi komitmen kita untuk melindungi aset negara yang bernilai, nyawa setiap warganegara, dan kelestarian alam sekitar untuk generasi akan datang.

10. Saya menyeru kepada semua jurutera, ahli geologi, perancang bandar, dan semua pegawai teknikal di peringkat persekutuan dan negeri untuk menghayati dan melaksanakan pelan ini dengan penuh dedikasi dan integriti. Ingatlah, setiap tindakan pencegahan yang kita ambil hari ini, setiap pembaikan cerun yang kita laksanakan dengan teliti, dan setiap program penyelenggaraan yang kita jalankan secara berkala, adalah pelaburan yang tidak ternilai harganya dalam menyelamatkan nyawa dan melindungi harta benda rakyat.

11. Justeru, mengambil pengajaran daripada kejadian tanah runtuh yang telah berlaku, saya berharap kerjasama dalam ruang lingkup *whole government approach* rentas agensi terus diperkukuh. Antara langkah yang wajar diberi perhatian termasuklah:

- i. Memperkasa tadbir urus pengurusan cerun oleh setiap agensi yang berkaitan, meliputi fasa pencegahan, mitigasi, kesiapsiagaan, tindak balas, dan pemulihan. *Prevention is better than cure, early detection can prevent loss of lives;*
- ii. Meningkatkan kolaborasi, perkongsian sumber dan kepakaran, amalan terbaik, serta kerjasama pintar antara semua pihak berkepentingan;
- iii. Melaksanakan kajian dan pemantauan secara berterusan, serta pengumpulan data *real-time* bagi cerun kritikal sebagai sokongan untuk membuat keputusan;
- iv. Membuat kajian tentang teknologi terkini di dunia dan mencadangkan *POC* untuk mengadaptasi penggunaan teknologi

serta inovasi, dengan mengambil kira faktor seperti keadaan cuaca dan struktur tanah di Malaysia; dan

- v. Penerapan *Whole of Nation Approach* melalui program kesedaran pengurangan risiko bencana berasaskan komuniti (*Community-Based Disaster Risk Reduction*, CBDRR) yang berterusan, dengan penglibatan langsung komuniti setempat.

Hadirin yang dihormati sekalian,

Penggunaan Teknologi dalam Pengurusan Cerun

- 12. Sebagai inisiatif proaktif, JKR telah melaksanakan projek "Pembekalan dan Pemasangan Peralatan Pemantauan Masa Nyata bagi Cerun di Jalan Persekutuan dan Pembangunan Sistem Amaran Awal Tanah Runtuh". Di bawah projek ini, pelbagai peralatan pemantauan berteknologi tinggi telah digunakan seperti Inclinometer, Tilt sensor, Soil moisture sensor, Piezometer.
- 13. Sistem pemantauan cerun berasaskan Internet of Things (*IoT*) ini, membolehkan pengumpulan data secara *real-time* dan data yang dicerap akan dihantar terus ke pusat kawalan bagi membolehkan tindakan awal diambil sekiranya terdapat tanda-tanda ketidakstabilan cerun, sekaligus meningkatkan kecekapan dan kecekapan pengurusan risiko kejadian tanah runtuh.

14. Selain itu, penggunaan **Kecerdasan Buatan (AI)** dan **Analisis Data Besar (Big Data)** membolehkan kita mengenal pasti pola pergerakan cerun dan meramalkan potensi kegagalan struktur dengan lebih tepat. Teknologi ini dapat membantu membuat keputusan berdasarkan data dan bukti saintifik.

Hadirin sekalian,

MADANI Bekerja: Galakan Kerajaan dalam Pengurusan Cerun

15. Di kesempatan ini, izinkan saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada YAB Perdana Menteri atas kelulusan peruntukan sebanyak **RM563 juta menerusi Bajet 2024**, khusus bagi membaik pulih cerun di seluruh negara. Ini mencerminkan komitmen tinggi kerajaan dalam menangani isu keselamatan cerun, termasuk pemantauan, pencegahan, pelaporan, dan sistem amaran awal bagi lebih 2,000 cerun berisiko tinggi yang telah dikenalpasti.
16. Pada masa yang sama, pelbagai inisiatif pengurusan cerun turut dilaksanakan. Setakat ini, sebanyak **166 lokasi pembaikan cerun** telah berjaya disiapkan. Kerja-kerja pencegahan juga telah dilaksanakan di **20 lokasi cerun**, melibatkan kos **RM24.20 juta**. Untuk menaik taraf sistem amaran awal tanah runtuh, pengumpulan data, pengemaskinian peta risiko cerun, serta kerja penyelenggaraan, **RM21.74** juta telah dibelanjakan.

17. Pada tahun ini, KKR telah menerima peruntukan sebanyak **RM251 juta di bawah Program Pencegahan dan Pembaikan Cerun Seluruh Malaysia**. Walaupun hakikatnya, peruntukan ini adalah kurang mencukupi, namun ia adalah satu amanah besar dan peluang strategik untuk kita memperkukuhkan daya tahan negara terhadap risiko bencana cerun.
18. Dalam melaksanakan amanah pengurusan cerun negara, adalah amat penting untuk kita memastikan setiap peruntukan yang disalurkan digunakan dengan penuh kebijaksanaan dan kecekapan yang terbaik. Setiap ringgit yang dibelanjakan haruslah membuahkan impak dan manfaat yang maksimum kepada keselamatan rakyat, perlindungan aset negara, dan kelestarian alam sekitar. Ini bukan sahaja soal pertanggungjawaban fiskal, tetapi juga manifestasi komitmen kita terhadap prinsip keadilan dan kesejahteraan yang menjadi tunjang Kerajaan Madani.
19. Perbelanjaan yang bijak akan mempercepatkan pelaksanaan kerja-kerja yang diperlukan, melindungi infrastruktur negara daripada kerosakan, menjamin keselamatan nyawa rakyat, dan memelihara alam sekitar. Oleh itu, saya **menyeru kepada semua pihak yang terlibat dalam pengurusan peruntukan ini untuk mengamalkan ketelusan, akauntabiliti, dan integriti yang tinggi**. Pastikan setiap keputusan perbelanjaan yang dibuat adalah berdasarkan keperluan yang mendesak, justifikasi yang kukuh, dan penilaian impak yang jelas.

Tuan/puan yang dihormati,

Penutup

20. Saya meletakkan harapan tinggi agar **Simposium Cerun Negara 2025** menjadi medan perbincangan yang bernas, dinamik, dan produktif serta merintis rumusan baharu dalam memperkukuh strategi pengurusan cerun negara.
21. Semoga segala bentuk perbincangan, dapatan kajian, dan perkongsian ilmu sepanjang simposium ini memberikan nilai tambah kepada semua pihak, sekali gus menyumbang ke arah pembangunan infrastruktur negara yang sejahtera, lestari, dan berdaya tahan.
22. Akhir kata, saya ingin merakamkan **ucapan tahniah dan syabas** kepada pihak penganjur, iaitu **JKR Malaysia dan Universiti Teknologi Malaysia (UTM)**, atas komitmen menganjurkan Simposium Cerun Negara 2025.

Ikan laga berenang sekawan;

Duduk berteduh di Pohon Cemara;

Cerun dijaga sejahterakan insan;

Infra teguh melonjakkan negara.

23. Dengan rasa sukacita dan berbesar hati, saya merasmikan
Simposium Cerun Negara 2025.

Sekian, terima kasih.